

Betulkan tingkah laku anak

[GAMBAR HIASAN]



info

Panduan ibu bapa tangani anak nakal:

→ Tanya dan dengar dulu

Jangan cepat melenting, siasat dan dapatkan penjelasan.

→ Sabar dengar luahan anak

Dengarkan dengan penuh perhatian tanpa menunjukkan reaksi bosan. Apabila anak sudah puas berbicara bermakna, telinga dan hatinya sudah bersedia mendengar anda.

→ Beri masa

Mungkin masa diperlukan antara 15 minit, 30 minit ataupun dua jam bagi mendengar cerita yang ingin disampaikan oleh anak.

→ Nasihat dalam bentuk metafora

Kongsi pengalaman dan apabila menasihati anak, jangan mengandungi maksud sindiran.

Jangan paksa, tegur, nasihat secara baik

Anak nakal dan tidak mendengar kata pastinya membuatkan ibu bapa pening kepala.

Siapa mahukan anak berkelakuan begitu. Semua ibu mahu anak baik, bersopan, mudah menerima teguran dan menjaga tingkah laku.

Apabila anak pula buat hal di hadapan orang lain, pasti ibu bapa berasa malu kerana bimbang dikatakan, tidak pandai mengajar anak.

Ada menyatakan, pemakanan dan salah asuhan ada kaitan apabila ibu bapa gagal mengawal tingkah laku anak. Anak yang terlebih makanan manis boleh menyebabkan tingkah laku mereka menjadi aktif dan nakal.

Ada juga berpendapat, salah asuhan anak nakal kerana ibu bapa tidak pandai mendidik.

Boleh diatasi

Kaunselor Berdaftar dan Perunding Psikologi Kanak-Kanak, Remaja dan Dewasa, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Siti Fatimah Abdul Ghani, berkata, situasi ini boleh diatasi ibu bapa.

Katanya, mulakan dengan pertanyaan dan bukan dengan pernyataan.

"Apabila anak pulang lewat daripada waktu

biasa, sebaik-baiknya mulakan dengan pertanyaan dan elakkan, memebel. Anak lebih mudah menerima teguran dengan menggunakan cara sopan berbanding arahan. Cara ini boleh disusuli dengan isyarat gerakan, visual atau pun dilakukan terus di hadapan anak," katanya.

Pendekatan teguran

Beliau berkata, teguran dan nasihat pada anak sebaik-baiknya perlu disampaikan secara rahsia. Justeru, tegur kesilapan anak tanpa membatik orang di sekeliling.

"Tujuannya demi menjaga air muka anak. Saat ingin menegur anak, ibu bapa perlu mengambil kisah, sebab atau alasan melakukan kesilapan itu.

"Sekiranya kesilapan berpunca daripada perilaku buruk yang sudah menjadi kebiasaan, wajar bersikap berlapang dada dan bersikap terbuka dalam menghadapi kesilapan anak," katanya.

Tegur dan nasihat anak supaya mereka mengubah perilaku buruk, selain tahu membezakan sama ada anak sering melakukan kesilapan itu atau kali pertama berbuat silap.

"Ibu bapa juga perlu peka dan tahu



membezakan tindakan anak yang berbuat silap secara terang-terangan tetapi berusaha menutupi kesilapannya," katanya.

Jangan paksa anak

Ibu bapa juga perlu jadi bijak dan berhemah terhadap anak yang belum dapat membezakan antara baik ataupun buruk kesalahan dilakukan.

"Sekiranya bersikap keras dan tegas kepada anak itu, mereka semakin menjauhi kita. Justeru, perlu mempertimbangkan kedudukan atau situasi yang dihadapi oleh anak apabila menyampaikan teguran dengan pendekatan ektif," katanya.

Beliau berkata, ibu bapa harus mengelakkan memaksa sekiranya anak belum mahu berbicara.

"Setiap anak memiliki sikap dan kemahuan yang berbeza. Ada anak yang ingin terus ditanya dan menjelaskan pada saat itu juga"



Setiap anak memiliki sikap dan kemahuan yang berbeza. Ada anak yang ingin terus ditanya dan menjelaskan pada saat itu juga"

Dr Siti Fatimah Abdul Ghani,

Kaunselor Berdaftar dan Perunding Psikologi Kanak-Kanak, Remaja dan Dewasa, UPM

Ada anak yang inginkan suasana tenteram, santai rehat dan selepas berasa tenang barhau boleh ditanya. Malah, ada yang ingin kita duduk dengan mereka, kemudian mereka akan memulakan bicara sebelum ditanya. Oleh itu, perlu kenali sikap setiap anak," katanya.